# ANALISIS PADANAN KATA KERJA BERAPITAN *MEN-…-I* DALAM *KAMUS UMUM BAHASA MELAYU-CINA SERBA BARU*

## (*The Analysis of Equivalents of MeN-…-i Verb in Kamus Umum Bahasa Melayu-Cina Serba Baru*)

*Lee Pin Ling*[1]
leepl@usm.my

*Goh Sang Seong*[2]
gohss@usm.my

Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan, Universiti Sains Malaysia, 11800 Minden, Pulau Pinang, Malaysia. [1]

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 11800 Minden, Pulau Pinang, Malasysia. [2]

Pengarang Koresponden (*Corresponding Author*):[2]

Rujukan makalah ini (*To cite this article*): Lee Pin Ling & Goh Sang Seong. (2023). Analisis padanan kata kerja berapitan *meN-...-i* dalam *Kamus Umum Bahasa Melayu-Cina Serba Baru*. *Jurnal Bahasa, 23*(2), 313–340. https://doi.org/10.37052/jb23(2)no5

| Peroleh: *Received*: | 19/7/2022 | Semakan: *Revised* | 18/8/2022 | Terima: *Accepted*: | 25/9/2023 | Terbit dalam talian: *Published online*: | 31/10/2023 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|

**Abstrak**

Makalah ini membandingkan kata kerja berapitan meN-…-i dan padanannya dalam bahasa Cina dari segi makna dan bentuknya. Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk meninjau perbezaan kata kerja berapitan meN-…-i dan padanannya, serta masalah penggunaan kamus disebabkan oleh perbezaan tersebut. Kamus dwibahasa yang dijadikan sebagai sumber data kajian ialah *Kamus Umum Bahasa Melayu-Cina Serba Baru* (2015). Kajian ini memanfaatkan kaedah analisis bandingan interlingual Johansson (2008), Teori Hartmann (2001) tentang perkamusan, serta pendekatan Nik Safiah et al. (2015) tentang kata kerja dan imbuhan. Hasil analisis bandingan interlingual kata kerja berapitan meN-…-i dan padanannya dalam bahasa Cina

© Dewan Bahasa dan Pustaka. 2023. This work is licensed under the term of the Creative Commons Attribution-NonCommercial-NoDerivatives 4.0 International (CC BY-NC-ND 4.0)

1511-9084 e-ISSN: 2462-1889

menunjukkan bahawa perbezaan yang paling ketara ialah kata kerja berapitan meN-…-i mempunyai perubahan bentuk dan pengimbuhan, tetapi hal ini tidak berlaku pada padanannya. Perbezaan tersebut menimbulkan masalah dari aspek penggunaan kamus, khususnya dari segi pemahaman tentang fungsi transitif dan makna tatabahasa yang didukung oleh apitan meN-…-i, serta jenis objek yang diterima oleh kata kerja berapitan meN-…-i. Dapatan kajian ini turut menunjukkan bahawa penyediaan padanan kata kerja berapitan meN-…-i dalam kamus Melayu-Cina melibatkan pemindahan maklumat yang meliputi makna kata akar, fungsi transitif, makna tatabahasa imbuhan, dan jenis objek yang diterima oleh kata kerja berapitan meN-…-i. Antara maklumat tersebut, fungsi transitif dan makna tatabahasa meN-…-i merupakan aspek yang paling penting untuk menghasilkan terjemahan yang berkesan dalam kamus Melayu-Cina.

Kata kunci: Kata kerja berapitan meN-…-i, bandingan interlingual, padanan, terjemahan bahasa Melayu-bahasa Cina, penggunaan kamus dwibahasa, perkamusan, leksikografi

***Abstract***

*This study compares the differences between meN-…-i verbs and their Chinese equivalents in terms of their meanings and forms. The aim of this study is to highlight the differences between meN-…-i verbs and their equivalents, as well as the problems of dictionary use caused by the said differences. The bilingual dictionary that serves as the corpus of this study is Kamus Umum Bahasa Melayu-Cina Serba Baru (2015). This study employed Johansson's theory of interlingual contrast (2008), Hartmann's theory of lexicography (2001), as well as Nik Safiah et al.'s approach of Malay verbs and affixes (2015). The analysis of interlingual contrast of the meN-…-i verbs and their Chinese equivalents shows that the most noticeable difference is that the meN-…-i verbs have changes in forms and affixation, but they do not occur in their Chinese equivalents. This difference creates a problem in dictionary use, specifically in the comprehension of the meN-…-i verbs' transitive functions and their grammatical meanings, as well as the objects accepted by meN-…-i verbs. The findings also indicate that the preparation of meN-…-i verbs' equivalents in Malay-Chinese dictionaries involves the transfer of information that encompasses the meaning of the root word, the transitive functions, the grammatical meaning of the verb, and the object accepted by the meN-…-i verbs. Among the above-mentioned information, the transitive functions and*

*grammatical meaning of meN-...-i are crucial aspects in producing effective translations in Malay-Chinese bilingual dictionaries.*

*Keywords*: *meN-...-i verbs, interlingual contrast, equivalent, Malay-Chinese translation, bilingual dictionary use, lexicography*

## PENDAHULUAN

Perkamusan mempunyai dua cabang, iaitu praktikal dan teori. Praktikal merujuk aktiviti penghasilan kamus, manakala teori merujuk kajian perkamusan (Hartmann, 2001). Dengan berdasarkan definisi yang dikemukakan oleh Hartmann (2001), kajian perkamusan merujuk prinsip di sebalik proses penghasilan kamus. Mengikut pemetaan kajian perkamusan yang diusulkan oleh Hartmann (2001), kajian tentang perkamusan meliputi kajian tentang sejarah kamus, kritikan kamus, struktur kamus, tipologi kamus, penggunaan kamus, terjemahan dan bandingan bilingual, serta terminologi teknikal dan variasi intralingual. Kajian ini memfokuskan terjemahan dan bandingan interlingual kamus dwibahasa Melayu-Cina.

Dari aspek kamus dan penggunaannya, kamus ekabahasa sesuai digunakan oleh pengguna yang mempunyai penguasaan bahasa yang tinggi, manakala kamus dwibahasa sesuai digunakan oleh pelajar bahasa asing yang mempunyai penguasaan bahasa yang asas (Laufer & Melamed, 1994). Kamus dwibahasa Melayu-Cina yang dijadikan sebagai sumber data kajian ialah *Kamus Umum Bahasa Melayu-Cina Serba Baru* (2015). Dalam bahagian Prakata, Yang Quee Yee menjelaskan bahawa tujuan penyusunan kamus tersebut adalah untuk membantu pelajar Cina memahami dan mempelajari bahasa Melayu. Pengguna kamus dwibahasa tersebut merupakan penutur bahasa Cina yang mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Dapatan kajian Goh (2010) pula membuktikan bahawa terjemahan dapat membantu pelajar sekolah beraliran Cina untuk menguasai kosa kata bahasa Melayu dan mencapai tahap yang lebih cemerlang dari aspek kuantiti dan kualiti. Jika ditinjau dari aspek masalah pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan penutur Cina, kajian yang dilakukan oleh Alhaadi dan Zaitul Azma (2018), Liew et al. (2016), dan Salinah dan Rohaidah (2016) menunjukkan bahawa antara kesalahan bahasa yang sering dilakukan oleh pelajar penutur bahasa Cina termasuklah kesalahan dari aspek imbuhan. Salinah dan Rohaidah (2016) menambah bahawa pelajar yang merupakan penutur bahasa Cina memerlukan masa yang lebih lama untuk membezakan penggunaan antara kata kerja transitif dengan kata kerja tak transitif. Oleh itu, kajian ini meneliti perbezaan antara bahasa

Melayu dengan bahasa Cina melalui analisis bandingan interlingual bagi mengetahui perbezaan antara kedua-dua item bahasa tersebut dengan rinci, serta masalah penggunaan kamus dwibahasa Melayu-Cina yang berlaku berikutan perbezaan tersebut. Fokus kajian tertumpu pada kata kerja berapitan meN-…-i dan padanannya dalam bahasa Cina.

## KAJIAN LEPAS

Sorotan kepustakaan tentang kamus dwibahasa, terjemahan padanan dan analisis bandingan interlingual, makna dan bentuk, kata kerja dan kata kerja berapitan meN-…-i, serta kajian lampau tentang padanan dalam kamus dwibahasa dan bandingan interlingual bahasa Melayu-bahasa Cina dipaparkan dalam bahagian yang berikutnya.

### Kamus Dwibahasa, Terjemahan Padanan dan Analisis Bandingan Interlingual

Berkenaan dengan kamus dwibahasa, Zgusta (1971) menjelaskan bahawa fungsi asas kamus dwibahasa adalah untuk mengkoordinasikan unit leksikal sesuatu bahasa dengan bahasa yang lain supaya sepadan dari segi maknanya. Pada masa yang sama, Ibrahim (2004) turut mendefinisikan kamus dwibahasa sebagai kamus yang menghubungkan kosa kata dua bahasa melalui terjemahan padanan untuk membolehkan pengguna membaca atau menghasilkan teks dalam bahasa asing. Perihal mengkoordinasikan unit leksikal sesuatu bahasa dengan yang lain, dan menghubungkan kosa kata dua bahasa ini merujuk aktiviti terjemahan. Kenyataan demikian disokong oleh Duval (2008) yang menyatakan bahawa dalam kamus dwibahasa, peranan terjemahan adalah untuk menyediakan padanan (teks sasaran) bagi kata entri (teks sumber). Dengan demikian, dapat dirumuskan bahawa kamus dwibahasa merupakan suatu hasil terjemahan padanan.

Dari aspek terjemahan, Hatim dan Munday (2004) mentakrifkannya sebagai proses pemindahan teks bertulis daripada bahasa sumber kepada bahasa sasaran. Jika ditinjau dari sudut terjemahan padanan dalam kamus dwibahasa, kata entri merupakan teks sumber, manakala padanannya merupakan teks sasaran. Berkenaan dengan padanan dalam kamus dwibahasa, Al-Kasimi (1983) menggolongkannya dalam padanan terjemahan dan padanan penjelasan. Padanan terjemahan merujuk unit leksikal yang boleh dimasukkan dalam ayat bahasa sasaran. Padanan penjelasan atau padanan deskriptif pula biasanya tidak dapat terus diselitkan dalam ayat bahasa

sasaran. Dalam kamus dwibahasa Melayu-Cina yang dikaji, iaitu *Kamus Umum Bahasa Melayu-Cina Serba Baru*, entrinya dalam bahasa Melayu, manakala padanannya dalam bahasa Cina. Dari segi penyusunan, setiap entri disertakan padanannya dalam bahasa Cina. Padanan yang diberikan itu didahului oleh padanan terjemahan, diikuti oleh padanan penjelasan. Setiap padanan yang disertakan itu pula dipisahkan dengan tanda koma (,).

Dari aspek kajian terjemahan dalam kamus dwibahasa, Hartmann (2001) berpendapat bahawa kajian terjemahan dalam kamus dwibahasa merupakan kajian terjemahan dan bandingan interlingual. Menurut Hartmann (2004) lagi, antara perspektif yang berlainan dalam perkamusan, interlingual merupakan satu daripada perspektif yang paling sukar kerana melibatkan perhubungan dan perbezaan antara dua atau lebih bahasa yang berlainan. Rentetan itu, Hartmann (1989) menegaskan bahawa ahli dalam bidang perkamusan dan terjemahan mempunyai tanggungjawab khusus untuk mengurangkan perbezaan interlingual, lantas membantu lebih banyak orang yang mengharungi batasan bahasa. Dalam pada itu, Goh (2010:227) turut mengutarakan bahawa terjemahan memikul tugas sebagai pelengkap dalam pembelajaran dan pengajaran bahasa bukan ibunda.

Berkenaan dengan aspek bandingan, Corder (1993) memperincikan kajian bandingan kepada bandingan interlingual, dan analisis kesalahan. Dari aspek bandingan bahasa, Johansson (2008) mengusulkan cara analisis bandingan antara bahasa seperti yang berikut:

(i) mencerakinkan dan membandingkan bahasa ibunda/bahasa pertama/bahasa sumber dengan bahasa asing/bahasa kedua/bahasa sasaran;

(ii) meramalkan masalah pembelajaran;

(iii) menggunakan dapatan kajian bagi menambah baik bahan pengajaran.

Sekiranya ditinjau dari segi hubungan kamus dwibahasa dengan aspek interlingual, Johansson (2008) berpendapat bahawa kamus dwibahasa memang bersifat kontrastif. Analisis bandingan interlingual dimanfaatkan dalam kamus dwibahasa untuk membantu pengguna kamus dwibahasa supaya memahami persamaan dan perbezaan bahasa yang wujud dalam kedua-dua bahasa dalam kamus dwibahasa. Lebih-lebih lagi, Hartmann (1980) turut menekankan bahawa kerja pembezaan adalah amat penting dalam bidang perkamusan dwibahasa dan terjemahan. Sementara itu, Zacarias (2014) juga mendakwa bahawa keupayaan untuk memahami persamaan dan perbezaan antara dua bahasa ialah asas terjemahan yang berkesan. Oleh itu, makalah ini meneliti aspek terjemahan dan

bandingan interlingual dalam kamus dwibahasa Melayu-Cina. Dari segi terjemahan, padanan kata kerja berapitan meN-…-i dalam kamus dwibahasa Melayu-Cina, termasuklah padanan terjemahan dan padanan penjelasan, akan dikaji. Dari aspek bandingan interlingual, kaedah analisis bandingan interlingual Johansson (2008) diterapkan untuk membandingkan kata kerja berapitan meN-…-i dan padanannya dalam kamus dwibahasa Melayu-Cina. Hal demikian bertujuan untuk memperlihatkan persamaan dan perbezaan kata kerja berapitan meN-…-i dan padanannya dalam kamus dwibahasa Melayu-Cina, khususnya dari aspek makna dan bentuknya.

## Makna dan Bentuk

Entri dalam kamus dwibahasa merupakan kosa kata, atau unit leksikal. Dari aspek makna pada peringkat leksikal, Darwis (1994) memperincikan makna tersebut dari aspek makna tatabahasa, makna leksikal, makna kata tugas dan makna strukturul. Makna tatabahasa ialah makna sesuatu imbuhan apabila imbuhan itu digabungkan dengan kata akar, mahupun kata dasar (Darwis, 1994:44). Makna leksikal ialah makna yang terdapat dalam kamus atau makna kata yang tidak dipengaruhi oleh kata lain dalam ayat (Darwis, 1994:95). Kata tugas pula ialah kata yang memberikan keterangan bagi kata inti (Darwis, 1994:166). Makna strukturul pula merujuk makna kata yang terdapat dalam sesuatu ayat (Darwis, 1994:44).

Dari aspek bentuk, Larson (1984) menjelaskan bahawa bentuk sesuatu bahasa merujuk kata, frasa, klausa, ayat, dan perenggan yang dilafazkan atau ditulis, serta bentuk yang dinyatakan itu merujuk struktur luaran sesuatu bahasa. Berkenaan dengan hubungan terjemahan dengan aspek bentuk, Larson (1984) berpendapat bahawa secara asasnya, terjemahan merupakan suatu pertukaran bentuk. Beliau menambah lagi, dalam sesuatu terjemahan, bentuk bahasa sumber digantikan dengan bentuk bahasa sasaran. Ainon dan Abdullah (2000) dan Larson (1984) bersepakat bahawa dalam aktiviti terjemahan, hanya bentuk yang berubah, manakala makna mesti dikekalkan. Dalam makalah ini, makna dan bentuk entri kata kerja berapitan meN-…-i dan padanannya dalam *Kamus Umum Bahasa Melayu-Cina Serba Baru* (2015) dikupas dan dibandingkan. Makna kata kerja berapitan meN-…-i dan padanannya diteliti dari aspek makna leksikal kata akar dan makna tatabahasa imbuhan, serta terjemahannya. Bentuk kata kerja berapitan meN-…-i dan padanannya pula akan diteliti dari segi struktur luaran dan pembinaannya.

**Kata Kerja dan Kata Kerja Berapitan MeN-…-i**

Menurut Nik Safiah et al. (2015:57), bahasa Melayu merupakan bahasa yang bersifat derivatif, iaitu jenis bahasa yang membentuk kebanyakan kata melalui proses pengimbuhan atau penggabungan antara morfem kata akar dengan morfem imbuhan. Dari aspek kata kerja, Nik Safiah et al. (2015:143) mendefinisikannya sebagai kata yang menjadi inti bagi binaan atau konstruksi frasa kerja. Kata kerja yang dibincangkan dalam bab ini, iaitu kata kerja berapitan meN-…-i merupakan kata kerja terbitan. Kata kerja terbitan ialah kata kerja yang terhasil daripada proses pengimbuhan, iaitu proses menggandingkan imbuhan pada kata dasar dan membentuk kata terbitan (Nik Safiah et al., 2015:151). Dari aspek kata kerja berapitan meN-…-i, Nik Safiah et al. (2015:202) menjelaskan bahawa kata kerja berapitan meN-…-i merupakan kata kerja aktif transitif berakhiran. Tambah beliau (2015:207) lagi, kata kerja berapitan meN-…-i mendukung makna asas yang terkandung dalam kata dasar. Jika dilihat dari segi makna, akhiran -i mempunyai dua pengertian khusus, iaitu (i) memberikan pengertian kausatif atau menyebabkan sesuatu terjadi; dan (ii) memberikan pengertian lokatif, iaitu menyatakan unsur tempat (Nik Safiah et al., 2015:188). Sekiranya dibandingkan penggunaan apitan meN-…-kan dengan meN-…-i, apitan meN-…-i menandakan lokatif, manakala apitan meN-…-kan menandakan kausatif. Apitan meN-…-i lazimnya menerima objek bernyawa, manakala apitan men-…-kan pula menerima objek yang tidak bernyawa (Nik Safiah et al., 2015:207). Dengan berdasarkan rumus tatabahasa tentang kata kerja berapitan meN-…-i dan akhiran -i yang diusulkan oleh Nik Safiah et al. (2015) ini, dapat disimpulkan bahawa kata kerja berapitan meN-…-i, (i) membentuk kata kerja transitif dan mendukung makna asas yang terkandung dalam kata dasar; (ii) memberikan pengertian kausatif; dan (iii) memberikan pengertian lokatif.

Jika ditinjau dari sudut penyediaan padanan untuk entri dalam *Kamus Umum Bahasa Melayu-Cina Serba Baru* (KUBMC), kamus ini disusun entrinya berdasarkan kata akar, kata ganda, dan kata terbitan. Kata akar yang merupakan homonim diperturunkan secara berasingan melalui angka I, II, III, dan seterusnya, serta padanannya dalam bahasa Cina. Kata akar yang mempunyai lebih daripada satu pecahan makna pula diasingkan melalui pelabelan angka 1, 2, 3, dan seterusnya. Dari segi susunan entri, setiap entri bermula dengan kata akar sebagai entri pokok, kemudian diikuti oleh kata ganda dan kata terbitan. Kata ganda dan kata terbitan

dalam KUBMC disenaraikan di bawah kata akar masing-masing. Kata ganda dan kata terbitan yang mengandungi lebih daripada satu padanan pula dilabelkan dengan angka 1, 2, 3, dan selanjutnya, serta diasingkan dengan tanda noktah (.). Bagi sesetengah entri (termasuklah kata akar, kata ganda dan kata terbitan), contoh penggunaan dalam bentuk ungkapan, frasa atau ayat, serta peribahasa juga disertakan, diikuti oleh terjemahannya dalam bahasa Cina. Bagi dua atau lebih kata terbitan itu yang mempunyai maksud yang sama, kata terbitan ditempatkan secara bersampingan, dan dipisahkan oleh tanda koma (,). Dari segi susunan, kata terbitan disusun mengikut turutan pengimbuhan seperti yang berikut:

kata akar → se-… → …-nya → …-lah → …-tah → ber-… → ber-…-an → me (mem, men, meng, meny)… → me-…-i → me-…-kan → memper-… → memper-…-kan → memper-…-i → ter-… → …-an → ke-…-an → pe (pem, pen, peng, peny)… → pe-…-an → per-…-an → …-wan → …-wati

Dari aspek kata kerja dalam bahasa Cina, Li (1992), serta Lü dan Zhu (2013) menjelaskan bahawa kata kerja merupakan kata yang menunjukkan perbuatan atau tingkah laku. Dari segi imbuhan pula, Zhu (2005) berpendapat bahawa imbuhan wujud dalam bahasa Cina, tetapi imbuhan yang tipikal tidak banyak (Lü, 2005). Dalam pada itu, Zhu (2005) turut menjelaskan bahawa sifat bahasa Cina yang tidak mempunyai perubahan bentuk menjadikan turutan kata dan kata tugas amat penting dalam bahasa Cina. Berkenaan aspek pembentukan kata, Liu (2003) menerangkan bahawa kata baharu dalam bahasa Cina biasanya terbentuk melalui penggabungan morfem yang sedia wujud, iaitu pemajmukan kata. Rentetannya, kata kerja bahasa Melayu dan bahasa Cina mempunyai perbezaan yang agak ketara, khususnya dari segi pembinaannya.

Bagi pemerian kata kerja dalam perkamusan, Barbara (1984) mendakwa bahawa kata kerja merupakan golongan kata yang paling sukar diterangkan. Menurut penyelidik ini lagi, tugas menerangkan kata kerja ialah tugas yang sukar kerana tugas tersebut ialah pemerian makna tentang suatu pergerakan, bukannya tentang objek yang konkrit. Oleh hal yang demikian, perihal pengendalian kata kerja banyak mengambil masa ahli perkamusan kerana ketelitian dan ketepatan amat diperlukan bagi memastikan pengguna memahami bahasa berkenaan (Barbara, 1984). Dari perspektif pengguna kamus, Barbara (1984) menyokong bahawa tugas yang paling sukar bagi pelajar adalah untuk memahami maklumat yang disampaikan oleh kata dalam aneka bentuk yang berlainan. Selain itu, Darwis (1994) menerangkan bahawa kata kerja didapati cukup rumit

kerana binaan katanya banyak dan maknanya juga pelbagai. Oleh hal yang demikian, kesalahan dan kekhilafan penggunaan kata kerja sering berlaku. Oleh sebab kerumitan kata kerja (dari aspek bentuk dan maknanya) dan kerja pemerian kata kerja dalam kamus, kajian ini meneliti persamaan dan perbezaan antara kata kerja berapitan meN-…-i dengan padanannya dalam bahasa Cina secara terperinci.

## Padanan dalam Kamus Dwibahasa serta Bandingan Interlingual Bahasa Melayu-Bahasa Cina

Jika dilihat kajian lampau yang berkaitan dengan padanan dalam kamus dwibahasa, Gilles-Maurice (2006) meninjau masalah padanan dalam kamus dwibahasa bagi pasangan bahasa antara sembilan bahasa rasmi Bantu dengan bahasa Inggeris Afrika Selatan. Dalam kajian ini, Gilles-Maurice telah mengusulkan pendekatan penggunaan formula tatabahasa dalam mikrostruktur kamus. Sementara itu, dalam kajian *Kamus Dwibahasa Cina-Inggeris untuk Terjemahan* (*Shishi Hanying Fanyi Da Cidian*) yang dijalani oleh Wu (2009), didapati bahawa kaedah terjemahan literal yang diaplikasikan dalam kamus tersebut adalah tidak seragam. Selain itu, dapatan kajian turut menunjukkan bahawa makna budaya dan makna kontekstual yang disediakan dalam kamus tersebut mempunyai kekurangan.

Selain itu, Jacques dan Marco (2016) mengkaji pemahaman pengguna kamus terhadap padanan dalam kamus dwibahasa. Penyelidik itu beranggapan bahawa terjemahan yang berasaskan terjemahan komunikatif mementingkan kesan pembaca teks sasaran, manakala pendekatan terjemahan semantik pula cuba menghuraikan makna konteks teks asal setepat-tepatnya. Prinsip terjemahan entri dalam kamus dwibahasa yang diusulkan oleh Jacques dan Marco (2016) ini memfokuskan ketepatan penyampaian makna, serta kesan pemahaman pengguna kamus dwibahasa yang sama dengan pengguna kamus ekabahasa.

Dari aspek kajian bandingan interlingual bahasa Melayu-bahasa Cina, Goh (2012) mengkaji aspek semantik dalam terjemahan peribahasa bahasa Melayu-bahasa Cina. Hasil kajian beliau menunjukkan bahawa sebanyak 261 peribahasa bahasa Melayu dan bahasa Cina mempunyai lambang yang sama. Antaranya termasuklah penggunaan haiwan, iaitu harimau, kera, anjing, ketam, gajah, kambing, serigala, tikus dan kucing. Goh (2012) menjelaskan bahawa kedua-dua pengguna bahasa Melayu dan bahasa Cina berhadapan dengan suasana persekitaran yang sememangnya sama kerana kedudukan geografinya yang berhampiran. Dalam pada itu,

Li (2009) juga mengkaji aspek semantik penjodoh bilangan bahasa Melayu dan bahasa Cina. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat persamaan dan perbezaan dari segi makna dan penggunaan penjodoh bilangan dalam kedua-dua bahasa berkenaan. Namun demikian, perbezaannya adalah lebih ketara berbanding dengan persamaannya. Hal ini dikatakan demikian kerana rumpun kedua-dua bahasa tersebut berbeza.

Chen (2009) dan Chen (2014) pula membandingkan aspek tatabahasa antara bahasa Melayu dengan bahasa Cina. Chen (2009) membandingkan struktur kata dan frasa warna (kuning kehijauan, memutih, kebiruan) antara bahasa Melayu dengan bahasa Cina. Kajian penyelidik ini menunjukkan bahawa kata warna (contoh:merah) dalam bahasa Melayu boleh diterbitkan menjadi kata berlainan yang dapat mendukung makna yang berlainan. Sementara itu, walaupun kata warna dalam bahasa Cina dapat menerima imbuhan akhiran, fungsi dan jenis kata warna berimbuhan akhiran dalam bahasa Cina amat terhad. Sementara itu, Chen (2014) membandingkan imbuhan antara bahasa Melayu dengan bahasa Cina. Dapatan kajian menunjukkan bahawa bahasa Cina mempunyai imbuhan awalan, apitan dan akhiran. Antara ketiga-tiga jenis imbuhan tersebut, imbuhan akhiran merupakan imbuhan yang paling mudah dan paling banyak dihasilkan. Walau bagaimanapun, fungsi imbuhan dalam bahasa Cina tidak sepenting fungsi imbuhan dalam bahasa Melayu. Dapatan kajian Chen (2009) dan Chen (2014) ini membuktikan bahawa terdapat perbezaan, khususnya dari segi pengimbuhan dan fungsi imbuhan antara bahasa Melayu dengan bahasa Cina.

Oleh sebab kajian tentang padanan dalam kamus dwibahasa Melayu-Cina, serta bandingan kata kerja dan padanannya dalam bahasa Cina masih belum mendapat perhatian yang secukupnya daripada pengkaji, makalah ini ingin mengisi kelompangan tersebut dengan mengkaji perbezaan kata kerja berapitan meN-…-i dan padanannya dalam kamus dwibahasa Melayu-Cina.

## METODOLOGI

Bahagian ini membincangkan data kajian dan kaedah analisis.

### Data Kajian

Data kajian dikumpulkan secara manual daripada *Kamus Umum Bahasa Melayu-Cina Serba Baru* (KUBMC) terbitan tahun 2015. Sumber ini dipilih sebagai bahan kajian kerana kamus ini merupakan satu-satunya kamus besar dwibahasa Melayu-Cina yang ada dalam pasaran di dalam

negara dan di luar negara. Terdapat 1044 entri kata kerja berapitan meN-…-i yang dikumpulkan daripada KUBMC. Daripada 1044 entri kata kerja berapitan meN-…-i berkenaan, 263 kata kerja berapitan meN-…-i tidak terdapat dalam *Kamus Dewan* terbitan tahun 2015 (KD), seterusnya dikecualikan daripada data kajian ini. Dalam pada itu, 781 kata kerja berapitan meN-…-i yang terdapat dalam KD mempunyai jumlah sebanyak 1114 makna dan pecahan makna yang menepati maksud yang diberikan dalam KD. Susulan itu, data kajian ini terdiri daripada 1114 kata kerja berapitan meN-…-i mengikut makna yang dimuatkan dalam KD. Kata kerja berapitan meN-…-i ini dikategorikan mengikut tiga maksud kata kerja berapitan meN-…-i berdasarkan rumusan tatabahasa *Tatabahasa Dewan*. Makna kata kerja berapitan meN-…-i yang tidak menepati ketiga-tiga maksud tersebut pula dikategorikan sebagai lain-lain. Pengkategorian data kajian mengikut jenis makna kata kerja berapitan meN-…-i ini ditunjukkan dalam Jadual 1.

**Jadual 1** Data kata kerja berapitan meN-…-i mengikut makna kata kerja.

| Bil. | Kategori Makna Kata Kerja Berapitan MeN-…-i | Data |
|---|---|---|
| 1. | mendukung makna asas yang terkandung dalam kata dasar | 598 |
| 2. | memberikan pengertian kausatif atau menyebabkan sesuatu jadi | 151 |
| 3. | memberikan pengertian lokatif, iaitu menyatakan unsur tempat | 327 |
| 4. | lain-lain | 38 |
| Jumlah | | 1114 |

## Kaedah Analisis

Kajian ini menerapkan kaedah analisis bandingan interlingual Johansson (2008) untuk membandingkan antara kata kerja berapitan meN-…-i dengan padanannya dalam bahasa Cina. Dalam kajian ini, entri kata kerja berapitan meN-…-i dalam KUBMC ialah teks sumber, manakala padanan yang disediakan dalam KUBMC merupakan teks sasaran. Entri kata kerja berapitan meN-…-i dan padanannya dalam bahasa Cina dicerakinkan dan dibandingkan dari aspek makna dan bentuknya. Pencerakinan dan penghuraian kata kerja berapitan meN-…-i dan padanannya dalam bahasa Cina dilakukan berasaskan *Tatabahasa Dewan* (TD) dan KD terbitan tahun 2015. *Tatabahasa Dewan* dan KD dipilih sebagai rujukan utama kerana TD merupakan rujukan penting dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu (Rashidi, 2000), manakala KD merupakan kamus yang

mewakili dunia Melayu (Bakar, 2017). Dari segi rujukan tatabahasa Cina pula, rumusan tatabahasa Lü (2007) dijadikan sebagai rujukan utama.

Kata kerja berapitan meN-…-i yang dipilih daripada KUBMC yang dijadikan sebagai bahan perbincangan meliputi, (1) **membukai**, (2) **menombori**, (3) **mengenai**, (4) **membaiki**, (5) **menerangi**, (6) **menyelami**, (7) **merenangi**, (8) **mengalamati**, (9) **menghitungi**, dan (10) **melihati**. Pemilihan data tersebut adalah berdasarkan kepelbagaian bentuk padanan bahasa Cina mengikut kategori makna kata kerja berapitan meN-…-i yang berlainan berdasarkan TD.

## ANALISIS DAN DAPATAN

### Pencerakinan dan Perbandingan Kata Kerja Berapitan MeN-…-i yang Mempunyai Pengertian Mendukung Makna Asas yang Terkandung dalam Kata Dasar dan Padanannya dalam Bahasa Cina

Ada tiga kata kerja berapitan meN-...-i yang mendukung makna asas yang terkandung dalam kata dasar. Kata kerja tersebut ialah **membukai**, **menombori**, dan **mengenai**.

#### *Kata Kerja Membukai*

Dari segi bentuk, kata kerja **buka** menerima apitan meN-…-i untuk membentuk kata kerja **membukai** yang bermakna "membuka untuk" (KD, 2015). Mengikut definisi ini, kata kerja **membukai** mendukung makna asas yang terkandung dalam kata dasar, iaitu perbuatan "membuka", manakala akhiran -i mempunyai fungsi menerima objek yang bernyawa. Padanannya dalam bahasa Cina, iaitu "替...打开 *ti ... dakai* [untuk] … [membuka]" (KUBMC, 2015) mempunyai maksud "membuka untuk".

Dalam padanan ini, kata akar **buka** yang bentuknya ialah morfem bebas dikekalkan dalam teks sasaran sebagai bentuk leksikal, iaitu kata kerja "打开 *dakai* [membuka]". Jika dilihat dari aspek terjemahan dan bentuk akhiran -i, makna tatabahasa akhiran -i dipindahkan kepada kata sendi nama "替 *ti* [untuk]" yang fungsinya juga menerima objek bernyawa, seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1. Pemindahan ini menukarkan bentuk morfem tatabahasa akhiran -i kepada bentuk kata sendi nama. Rentetannya, makna, fungsi transitif dan kata akar teks sumber dikekalkan dalam teks sasaran, manakala bentuk kata kerja **membukai** pula ditukarkan kepada bentuk frasa kerja.




**Rajah 1** Kata kerja **membukai** dan padanannya.

## *Kata Kerja Menombori*

Dari aspek bentuk**,** kata kerja **menombori** diterbitkan daripada kata akar yang tergolong sebagai kata nama, iaitu **nombor**. Dari aspek makna, kata kerja **menombori** bererti "memberi bernombor, memberikan nombor (bilangan) kepada" (KD, 2015). Dengan berdasarkan definisi ini, kata kerja **menombori** mendukung makna perbuatan "memberikan nombor", manakala akhiran -i mempunyai fungsi menerima objek yang bernyawa, iaitu "kepada seseorang nombor diberikan".

Dalam padanan kata kerja **menombori**, kata akar **nombor** (号码 *haoma*) yang mempunyai makna yang setara dikekalkan, manakala bentuk morfem bebas **nombor** pula ditukarkan kepada bentuk leksikal (kata nama). Padanan yang diberikan dalam KUBMC (2015) ialah "给予…号码 *jiyu ... haoma* [memberi] [nombor]". Dalam padanan ini, makna tatabahasa apitan meN-…-i dipindahkan kepada kata kerja transitif "给予 *jiyu* [memberi]" (rujuk Rajah 2). Pemindahan makna tersebut melibatkan pertukaran bentuk morfem tatabahasa apitan meN-…-i kepada bentuk leksikal. Tuntasnya, padanan ini mengekalkan makna kata akar dan fungsi transitif **menombori** dalam teks sasaran, tetapi menukarkan bentuk kata kerjanya kepada frasa kerja.




**Rajah 2** Kata kerja **menombori** dan padanannya.

### *Kata Kerja Mengenai*

Dari segi bentuk, kata kerja **kena** menerima apitan meN-…-i untuk membentuk kata kerja **mengenai**. Dengan berdasarkan KD (2015), kata kerja **mengenai** bermaksud "berkenaan (berkaitan, berhubungan) dengan, tentang. Padanan yang disediakan, iaitu "关于 *guan'yu* [mengenai]" (KUBMC, 2015) mempunyai makna yang sama dengan teks sumbernya. Namun begitu, padanan kata tersebut tergolong sebagai kata sendi nama dalam tatabahasa Cina. Dengan erti kata lain, kata kerja **mengenai** dan padanannya mempunyai makna yang sama, tetapi kelas kata dan bentuknya berbeza. Menurut Zhu (2007), semua kata sendi nama dalam bahasa Cina moden diterbitkan dan berkembang daripada kata kerja. Oleh itu, kebanyakan kata sendi nama mempunyai fungsi kata kerja. Kata sendi nama "关于 *guan'yu* [mengenai]" terbentuk daripada dua morfem, iaitu morfem yang bersifat kata kerja, "关 *guan* [berkenaan]" dan morfem yang bersifat kata sendi nama, "于 *yu* [dengan]". Morfem "关 *guan* [berkenaan]" dalam teks sasaran merupakan terjemahan kata akar **kena**, manakala makna tatabahasa imbuhan meN-…-i dipindahkan kepada morfem kata sendi nama "于 *yu* [dengan]" (rujuk Rajah 3). Rentetannya, makna dan fungsi transitif kata akar dikekalkan dalam terjemahan ini, tetapi bentuk kata kerja **mengenai** ditukarkan kepada bentuk kata sendi nama.




**Rajah 3** Kata kerja **mengenai** dan padanannya.

### Pencerakinan dan Perbandingan Kata Kerja Berapitan MeN-…-i yang Mempunyai Pengertian Kausatif dan Padanannya dalam Bahasa Cina

Ada dua kata kerja berapitan meN-...-i yang mempunyai pengertian kausatif. Kata kerja tersebut ialah **membaiki** dan **menerangi**.

### *Kata Kerja Membaiki*

Jika ditinjau dari segi bentuk, kata adjektif **baik** menerima apitan meN-…-i, lalu membentuk kata kerja **membaiki** yang bermaksud "membetulkan"

(KD, 2015). Dengan berdasarkan maksud yang diberikan, akhiran -i dalam kata kerja **membaiki** memberikan pengertian kausatif atau menyebabkan sesuatu jadi. Padanan yang disediakan dalam KUBMC (2015) ialah "修理 *xiuli* [membaiki]", iaitu kata kerja yang bersifat transitif. Padanan kata kerja tersebut terbentuk daripada dua morfem yang bersifat kata kerja, iaitu "修 *xiu* [membetulkan]" dan "理 *li* [membetulkan]" (rujuk Rajah 4). Sementara itu, kata akar **membaiki**, iaitu **baik** tidak dikekalkan dalam teks sasaran. Dalam terjemahan **membaiki**, makna kausatif yang didukung oleh apitan meN-…-i tidak diterjemahkan secara literal, tetapi disebatikan dalam unit leksikal yang merupakan kata kerja. Bentuk morfem tatabahasa meN-…-i pula ditukarkan kepada bentuk morfem leksikal. Tuntasnya, padanan bahasa Cina **membaiki** mengekalkan makna, bentuk kata kerja dan fungsi transitif **membaiki** teks sumbernya, tetapi kata akar **baik** tidak dikekalkan.




**Rajah 4** Kata kerja **membaiki** dan padanannya.

### *Kata Kerja Menerangi*

Kata kerja **menerangi** diterbitkan daripada kata adjektif **terang**, jika dilihat dari segi bentuknya. Dari segi makna, kata kerja **menerangi** mempunyai makna kiasan, iaitu "memberi terang pada hati (fikiran, perkara, dan lain-lain), menunjuki" (KD, 2015). Padanan yang disediakan dalam KUBMC (2015) ialah "使...觉悟 *shi ... juewu*" ([menjadikan] … [menyedar]). Kata kerja "使 *shi* [menjadikan]" dalam padanan frasa kerja yang diberikan pula mempunyai makna tatabahasa yang sama dengan akhiran -i, iaitu mempunyai pengertian kausatif dan fungsi transitif. Kata kerja "觉悟 *juewu* [menyedar]" dalam teks sasaran pula mempunyai makna kiasan "menjadi terang". Dalam hal ini, kelihatan morfem tatabahasa akhiran -i dipindahkan kepada kata kerja "使 *shi* [menjadikan]" (rujuk Rajah 5). Tuntasnya, padanan **menerangi** yang diberikan ini mengekalkan makna dan fungsi transitif teks sumber, tetapi menukarkan bentuk kata kerja dalam teks sumber kepada frasa kerja.




**Rajah 5** Kata kerja **menerangi** dan padanannya.

**Pencerakinan dan Perbandingan Kata Kerja Berapitan MeN-…-i yang Mempunyai Pengertian Lokatif dan Padanannya dalam Bahasa Cina**

Ada tiga kata kerja berapitan meN-...-i yang mempunyai pengertian lokatif. Kata kerja tersebut ialah **menyelami**, **merenangi** dan **mengalamati**.

***Kata Kerja Menyelami***

Dari segi bentuk, kata kerja **selam** yang menerima apitan meN-…-i membentuk kata kerja **menyelami** yang bermaksud "menyelam ke dalam air (laut, dan lain-lain)" (KD, 2015). Definisi ini memperlihatkan penggunaan kata kerja **menyelami** yang menerima objek yang berunsur lokatif. Padanan bahasa Cina yang disediakan dalam KUBMC (2015) ialah "潜入 *qianru* [menyelam] [masuk]". Padanan tersebut merupakan kata kerja transitif yang terdiri daripada dua morfem yang bersifat kata kerja, iaitu "潜 *qian* [menyelam]" dan "入 *ru* [masuk]" (rujuk Rajah 6), dengan kata akar **selam** (潜 *qian*) dikekalkan. Fungsi transitif yang didukung oleh akhiran -i, dan makna "masuk ke dalam" pula diterjemahkan kepada morfem bersifat kata kerja, iaitu "入 *ru* [masuk]". Pemindahan makna tatabahasa akhiran -i kepada "入 *ru* [masuk]" melibatkan pertukaran bentuk daripada morfem tatabahasa kepada morfem leksikal. Dari aspek terjemahan dan bentuk kata akar, bentuk morfem bebas dalam teks sumber dikekalkan sebagai bentuk morfem bebas dalam teks sasaran. Tuntasnya, padanan kata kerja yang diberikan mengekalkan makna, kata akar, fungsi transitif dan bentuk kata kerja **menyelami**.




**Rajah 6** Kata kerja **menyelami** dan padanannya.

### *Kata Kerja Merenangi*

Dari segi bentuk, kata kerja **renang** yang menerima apitan meN-…-i, lalu membentuk kata kerja **merenangi** yang bererti "berenang di (ke)" (KD, 2015). Padanan bahasa Cina yang disediakan dalam KUBMC (2015) ialah "游向 *you xiang* [berenang] [ke]" yang membawa maksud "berenang ke". Dalam padanan ini, kata akar **renang** dikekalkan sebagai "游 *you* [berenang]", manakala makna tatabahasa "ke" yang didukung oleh akhiran -i dipindahkan kepada kata sendi nama "向 *xiang* [ke]" (rujuk Rajah 7). Dari aspek penggunaannya, kata sendi nama "向 *xiang* [ke]" menerima objek yang berunsur lokatif, seterusnya mengekalkan fungsi transitif **merenangi**. Dalam terjemahan ini, bentuk morfem tatabahasa akhiran -i ditukarkan kepada bentuk kata sendi nama, manakala bentuk morfem bebas kata akar ditukarkan kepada bentuk kata kerja. Rentetannya, makna, fungsi transitif dan kata akar **merenangi** dikekalkan dalam teks sasaran, tetapi bentuknya ditukarkan daripada bentuk kata kerja kepada frasa kerja.




**Rajah 7** Kata kerja **merenangi** dan padanannya.

### *Kata Kerja Mengalamati*

Jika dilihat dari segi bentuk kata kerja **mengalamati**, kata kerja tersebut merupakan gabungan antara kata nama **alamat** dengan apitan meN-…-i. Dari segi makna, **mengalamati** bererti "membubuh alamat pada" berdasarkan KD (2015). Kelihatan akhiran -i dalam **mengalamati** menandakan bahawa **mengalamati** menerima objek yang menunjukkan unsur lokatif. Jika dilihat padanan bahasa Cina yang disediakan dalam KUBMC (2015), "填上地址于 *tianshang dizhi yu* [mengisi] [alamat] [pada]" merupakan frasa kerja yang bersifat transitif. Dalam padanan ini, kata akar teks sumber dikekalkan sebagai "地址 *dizhi* [alamat]", kata kerja "填上 *tianshang* [mengisi]" pula mendukung maksud perbuatan dalam frasa kerja ini. Jika terjemahan akhiran -i ditinjau, makna tatabahasa akhiran -i dipindahkan kepada kata sendi nama yang menunjukkan makna

"pada", iaitu "于 *yu* [pada]" (rujuk Rajah 8). Terjemahan ini menukarkan bentuk morfem tatabahasa -i kepada bentuk leksikal. Dari aspek terjemahan dan bentuk kata akar, bentuk morfem bebas **alamat** ditukarkan kepada bentuk leksikal, iaitu kata nama. Secara keseluruhannya, teks sasaran mengekalkan makna, kata akar dan fungsi transitif **mengalamati**. Dari aspek bentuk pula, kata kerja **mengalamati** ditukarkan kepada bentuk frasa kerja.




**Rajah 8** Kata kerja **mengalamati** dan padanannya.

## Pencerakinan dan Perbandingan Kata Kerja Berapitan MeN-…-i yang Mempunyai Pengertian "lain-lain" dan Padanannya dalam Bahasa Cina

Ada dua kata kerja berapitan meN-...-i yang mempunyai pengertian lain-lain. Kata kerja tersebut ialah **menghitungi** dan **melihati**.

### *Kata Kerja Menghitungi*

Kata kerja **hitung** menerima apitan meN-…-i untuk membentuk kata kerja **menghitungi**, jika dilihat dari segi bentuknya. Dari segi makna, **menghitungi** bermaksud "mengira berkali-kali, menghitung banyak benda" (KD, 2015). Kata kerja berapitan meN-…-i ini mempunyai maksud "melakukan sesuatu dengan berulang-ulang". Jika dilihat padanannya dalam bahasa Cina, 反复计算 *fanfu jisuan* [berulang kali] [mengira]" (KUBMC, 2015) memberikan maksud yang sama dengan teks sumber. Kelihatan makna tatabahasa "berulang kali" diterjemahkan kepada kata adverba "反复 *fanfu* [berulang kali]" yang bermaksud berkali-kali, berulang banyak kali (rujuk Rajah 9). Dari aspek terjemahan dan bentuk apitan meN-…-i, morfem tatabahasa dalam teks sumber ditukarkan kepada bentuk morfem leksikal dalam teks sasaran. Sementara itu, kata akar **hitung** diterjemahkan kepada kata kerja transitif yang mempunyai makna yang sama, iaitu "计算 *jisuan* [mengira]". Terjemahan ini melibatkan pertukaran bentuk morfem bebas dalam teks sumber kepada bentuk

leksikal (kata kerja). Rentetannya, terjemahan berkenaan mengekalkan makna kata kerja **menghitungi**, kata akar **hitung**, dan fungsi transitif **menghitungi**, tetapi bentuk kata kerjanya ditukarkan kepada frasa kerja.




**Rajah 9** Kata kerja **menghitungi** dan padanannya.

### *Kata Kerja Melihati*

Dari segi bentuk, kata kerja **melihati** terbentuk melalui penggabungan kata kerja **lihat** dengan apitan meN-…-i. Dengan berdasarkan KD (2015), kata kerja **melihati** bermaksud "memerhati dengan teliti, memandang dengan sungguh-sungguh, mengamat-amati". Kata kerja berapitan meN-…-i ini mempunyai maksud melakukan sesuatu dengan bersungguh-sungguh. Padanan bahasa Cina yang disediakan dalam KUBMC (2015) ialah "仔细观察 *zixi guancha* [teliti] [memerhati]". Dalam terjemahan ini, makna tatabahasa "bersungguh-sungguh" diterjemahkan kepada kata adjektif yang bererti "teliti" (仔细 *zixi*). Hal ini bermakna, bentuk morfem tatabahasa dalam teks sumber ditukarkan kepada bentuk leksikal (kata adjektif) dalam teks sasaran (rujuk Rajah 10). Jika terjemahan kata akarnya diamati, kata kerja **lihat** diterjemahkan kepada kata kerja transitif **memerhati** (观察 *guancha*). Terjemahan ini menukarkan bentuk morfem bebas kepada bentuk leksikal (kata kerja). Tuntasnya, padanan yang diberikan mengekalkan makna, kata akar dan fungsi transitif **melihati**, tetapi menukarkan bentuk kata kerjanya kepada frasa kerja.




**Rajah 10** Kata kerja **melihati** dan padanannya.

## PERBINCANGAN

Persamaan dan perbezaan antara kata kerja berapitan meN-…-i dengan padanannya dari segi makna dan bentuk yang meliputi aspek imbuhan, kata akar, fungsi transitif, dan struktur pembentukan, serta terjemahannya dibincangkan dalam bahagian ini.

Dari aspek makna, kata kerja berapitan meN-…-i dan padanannya dalam bahasa Cina mempunyai makna yang sama, baik padanan yang mempunyai bentuk yang sama dengan teks sumber, mahupun padanan yang bentuknya berlainan daripada teks sumber.

Dari aspek imbuhan, pengimbuhan berlaku dalam kata kerja berapitan meN-…-i, tetapi tidak berlaku dalam padanannya. Jika dilihat dari segi bentuk, apitan meN-…-i merupakan morfem tatabahasa dalam teks sumber, tetapi diterjemahkan kepada bentuk berikut dalam teks sasaran:

(i) morfem leksikal, iaitu morfem bersifat kata kerja dalam padanan kata kerja.

(ii) kata kerja dalam padanan frasa kerja.

(iii) kata adjektif dalam padanan frasa kerja.

(iv) kata tugas (kata sendi nama, kata adverba) dalam padanan frasa kerja.

(v) kata kerja dan kata tugas (kata sendi nama) dalam padanan frasa kerja.

Hal demikian bererti, makna tatabahasa apitan meN-…-i teks sumber didukung oleh apitan meN-…-i, tetapi dipindahkan kepada bentuk leksikal (kata kerja, kata adjektif, kata sendi nama, kata adverba, atau kata kerja dan kata sendi nama), atau disebatikan dalam kata kerja dalam padanan bahasa Cina.

Dari aspek kata akar kata kerja berapitan meN-…-i dan terjemahannya, kata akar bagi kata kerja berapitan meN-…-i merupakan morfem bebas. Dalam padanannya pula, kata akar, sama ada, (i) wujud sebagai morfem bebas dalam padanan kata; (ii) wujud sebagai kata dalam padanan frasa; atau (iii) kata akar tidak dikekalkan dalam teks sasaran. Kata akar yang tidak dikekalkan dalam teks sasaran mungkin diterjemahkan kepada makna kiasan, atau makna kata akar tidak dikekalkan sama sekali.

Sekiranya diamati fungsi transitif kata kerja berapitan meN-…-i dan terjemahannya, fungsi transitif kata kerja berapitan meN-…-i memang dikekalkan dalam teks sasaran. Jika dilihat perbezaannya, fungsi transitif dalam kata kerja berapitan meN-…-i ditunjukkan oleh akhiran -i dan diperlihatkan melalui makna tatabahasa yang didukung olehnya. Dalam

padanan bahasa Cina pula, fungsi transitif kata kerja berapitan meN-…-i ditunjukkan oleh, (i) morfem bersifat kata kerja transitif dalam padanan kata kerja; (ii) kata kerja transitif (kata akar) dalam padanan frasa kerja; (iii) kata kerja transitif (bukan kata akar) dalam padanan frasa kerja; atau (iv) kata sendi nama dalam padanan frasa kerja.

Dari aspek struktur pembentukan, kata kerja berapitan meN-…-i merupakan kata kerja terbitan yang terbentuk daripada gabungan antara apitan meN-…-i dengan kata akar. Padanan bahasa Cinanya pula terdiri daripada tiga jenis bentuk yang utama, iaitu, (i) kata kerja yang terbentuk daripada morfem bebas; (ii) frasa kerja yang terbentuk daripada kata kerja (tanpa kata akar), kata akar dan kata kerja, kata akar dan kata adjektif, kata akar dan kata tugas (kata sendi nama, kata adverba), serta kata akar, kata kerja dan kata sendi nama; dan (iii) kata sendi nama yang terbentuk daripada morfem bebas. Jika tiga jenis bentuk padanan kata kerja berapitan meN-…-i ini diteliti, padanan berbentuk kata kerja mempunyai bentuk yang sama dengan teks sumber, manakala padanan berbentuk frasa kerja dan kata sendi nama merupakan bentuk yang berbeza daripada teks sumbernya.

Secara tuntasnya, hasil bandingan interlingual menunjukkan bahawa kata kerja berapitan meN-…-i dan padanan bahasa Cinanya mempunyai persamaan dan perbezaan. Namun begitu, perbezaan yang wujud itu lebih ketara berbanding dengan persamaannya. Perbezaan yang paling menonjol ialah aspek bentuk, khususnya dari segi perubahan bentuk. Kata kerja berimbuhan meN-…-i ini mempunyai perubahan bentuk. Perubahan bentuk kata kerja berapitan meN-…-i merupakan hasil pengimbuhan, iaitu gabungan antara apitan meN-…-i dengan kata akar untuk membentuk kata kerja terbitan. Dalam pada itu, apitan meN-…-i dalam kata kerja berapitan meN-…-i mendukung makna tatabahasa dan memberikan maklumat transitif.

Dari aspek padanan kata kerja berimbuhan meN-…-i dalam bahasa Cina, perubahan bentuk tidak berlaku. Dengan erti kata lain, padanan kata kerja berapitan meN-…-i tidak terbentuk melalui proses pengimbuhan, tetapi terbentuk melalui proses pemajmukan. Dapatan kajian ini membuktikan kebenaran pernyataan Lü (2005) bahawa bahasa Cina tidak mempunyai perubahan bentuk yang sebenar. Tambahan lagi, dapatan kajian ini menepati pandangan Liu (2003) yang menyatakan bahawa kata baharu dalam bahasa Cina biasanya terbentuk melalui penggabungan morfem yang sedia wujud, iaitu pemajmukan kata.

Dari aspek pemajmukan, morfem bebas yang bersifat leksikal digabungkan untuk membentuk unit leksikal dalam bahasa Cina. Pemajmukan tersebut menghasilkan dua jenis bentuk padanan, iaitu bentuk kata kerja dan bentuk kata sendi nama. Dari aspek terjemahan makna tatabahasa kata kerja berapitan meN-...-i, makna tatabahasa apitan meN-…-i dalam padanan bahasa Cina berbentuk kata kerja dan padanan berbentuk kata sendi nama didukung oleh morfem bebas, dan disebatikan dalam kata berkenaan. Dalam padanan berbentuk frasa kerja pula, makna tatabahasa didukung oleh kata (bentuk leksikal). Pemindahan makna tatabahasa apitan meN-…-i ke dalam kata dalam padanan bahasa Cina melibatkan pertukaran bentuk morfem terikat (imbuhan) kepada bentuk morfem bebas. Dalam pada itu, pertukaran tersebut juga menyebabkan perubahan bentuk kata kerja dalam teks sumber kepada bentuk frasa kerja dalam teks sasaran. Hasil bandingan interlingual dalam bahagian ini membuktikan kesahihan pernyataan Ainon dan Abdullah (2000) dan Larson (1984) bahawa dalam aktiviti terjemahan, hanya bentuk yang berubah, manakala maknanya dikekalkan.

**Pemerhatian terhadap Masalah Penggunaan Kamus Dwibahasa Melayu-Cina Disebabkan oleh Perbezaan Kata Kerja Berapitan MeN-…-i dan Padanannya, serta Cadangan Terjemahan**

Hasil perbandingan kata kerja berapitan meN-…-i dan padanannya dalam bahasa Cina menunjukkan bahawa kata kerja berapitan meN-…-i dan padanannya mempunyai jurang perbezaan yang besar. Perbezaan yang paling utama wujud disebabkan oleh perubahan bentuk dan pengimbuhan yang berlaku dalam kata kerja berapitan meN-…-i, tetapi tidak berlaku dalam padanan bahasa Cinanya. Dapat diperhatikan bahawa perbezaan tersebut menyebabkan masalah yang serius terhadap penggunaan kamus dwibahasa Melayu-Cina. Hal ini bukan sahaja disebabkan oleh perbezaan interlingual yang wujud, malah kerana kuantiti kata kerja berimbuhan meN- yang besar dalam bahasa Melayu, serta kerumitan imbuhan dari segi fungsi dan kepelbagaiannya. Secara khususnya, masalah penggunaan kamus bahasa Melayu-Cina yang disebabkan oleh perbezaan kata kerja berapitan meN-…-i dapat ditinjau dari tiga aspek, iaitu, (i) fungsi transitif kata kerja berapitan meN-…-i; (ii) makna tatabahasa apitan meN-…-i dalam kata kerja berapitan meN-…-i; dan (iii) jenis objek yang diterima oleh kata kerja berapitan meN-…-i.

Dari aspek fungsi transitif, fungsi transitif kata kerja berapitan meN-…-i dapat ditunjukkan oleh bentuknya (akhiran -i), tetapi fungsi transitif tidak ditunjukkan oleh bentuknya dalam padanan kata kerja dalam bahasa Cina. Dalam padanan kata kerja dalam bahasa Cina, fungsi transitif sesuatu kata kerja dapat ditunjukkan melalui makna leksikalnya. Namun demikian, kebanyakan kata kerja dalam bahasa Cina dapat berfungsi sebagai kata kerja transitif dan tak transitif, bergantung pada kata kerja dan penggunaannya. Hal ini menyebabkan pengguna kamus bahasa Melayu-Cina yang lazimnya merupakan penutur bahasa Cina tidak begitu peka terhadap sifat transitif/tak transitif sesuatu kata kerja. Pernyataan ini sejajar dengan pendapat Salinah dan Rohaidah (2016) yang menyatakan bahawa pelajar yang merupakan penutur bahasa Cina memerlukan masa yang lebih lama untuk membezakan penggunaan antara kata kerja transitif dengan kata kerja tak transitif. Sesungguhnya, sifat transitif/tak transitif kata kerja bahasa Cina dan keperluan untuk mengkategorikan kata kerja bahasa Cina kepada kata kerja transitif/tak transitif merupakan isu yang sering diperdebatkan dalam kalangan sarjana linguistik bahasa Cina (Wang, 2017), dan isu ini berkait rapat dengan ciri kata kerja bahasa Cina yang tidak mempunyai perubahan bentuk.

Dari aspek makna tatabahasa apitan meN-…-i, makna tatabahasa yang didukung oleh apitan meN-…-i, sama ada disebatikan dalam kata kerja atau padanan kata sendi nama, atau didukung oleh kata kerja, kata adjektif, kata sendi nama, kata adverba, atau kata kerja dan kata sendi nama dalam bahasa Cina. Dengan erti kata lain, pengguna kamus Melayu-Cina menerima maklumat tatabahasa melalui unit leksikal, bukannya daripada imbuhan. Hal ini menimbulkan masalah pemahaman makna tatabahasa yang didukung oleh apitan meN-…-i. Masalah ini menjadi lebih rumit apabila pengguna terpaksa memahami dan membezakan makna tatabahasa kata kerja terbitan yang berlainan variannya, misalnya kata kerja **menyelam**, **menyelami**, dan **menyelamkan**. Pernyataan ini disedari oleh Barbara (1984) yang menyatakan bahawa tugas yang paling sukar bagi pelajar adalah untuk memahami maklumat yang disampaikan oleh kata dalam bentuk berlainan.

Selain fungsi transitif dan makna tatabahasa, apitan meN-…-i juga memberikan maklumat tentang jenis objek yang diterima oleh kata kerja berapitan meN-…-i. Contohnya, objek yang bernyawa, dan objek yang mempunyai makna lokatif berpandukan pengertian kata kerja berapitan meN-…-i yang dinyatakan oleh Nik Safiah et al. (2015). Hal ini merupakan suatu masalah kerana kealpaan penutur bahasa Cina terhadap makna dan

fungsi imbuhan kata kerja dalam bahasa Melayu. Keadaan ini menjadi lebih sukar sekiranya kata kerja berapitan meN-…-i diterjemahkan kepada padanan kata kerja transitif yang boleh menerima jenis objek yang berlainan, contohnya objek jenis orang, dan objek jenis perihal.

Dengan berdasarkan perbincangan tentang masalah yang berlaku daripada perbezaan antara kata kerja berapitan meN-…-i dengan padanan bahasa Cinanya dalam penggunaan kamus dwibahasa Melayu-Cina, beberapa cadangan diusulkan. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa fungsi imbuhan dalam kata kerja berapitan meN-…-i lazimnya didukung oleh kata tugas dalam padanan frasa kerja dalam bahasa Cina. Jika dilihat dari aspek apitan meN-…-i dari segi fungsi transitif dan makna tatabahasanya, kata sendi nama merupakan petunjuk penerima objek dan pendukung makna tatabahasa apitan meN-…-i yang lebih berkesan berbanding dengan kata kerja transitif dalam bahasa Cina. Hal ini disebabkan oleh makna dan fungsi kata sendi nama yang lebih menonjol dan menentu jika dibandingkan dengan kata kerja transitif dalam bahasa Cina. Dengan erti kata lain, dari segi keberkesanan dalam penandaan makna tatabahasa apitan meN-…-i dalam kata kerja berapitan meN-…-i, padanan frasa kerja yang mengandungi kata sendi nama dapat memperlihatkan fungsi transitif dan makna tatabahasa apitan meN-…-i dengan lebih jelas jika dibandingkan dengan padanan kata kerja dan padanan frasa kerja yang fungsi transitifnya dan makna tatabahasanya diterjemahkan kepada kata kerja transitif. Dapatan ini selaras dengan pendapat Zhu (2005) yang menyatakan bahawa ciri bahasa Cina yang tidak mempunyai perubahan bentuk menjadikan kata tugas memainkan peranan yang penting. Natijahnya, frasa kerja yang mengandungi kata sendi nama merupakan padanan yang paling ideal, khususnya bagi menonjolkan makna tatabahasa apitan meN-…-i dan fungsi transitifnya. Jika dirujuk penggolongan jenis padanan dalam kamus dwibahasa yang diusulkan oleh Al-Kasimi (1983), padanan berbentuk frasa kerja merupakan padanan penjelasan atau padanan deskriptif. Namun demikian, padanan jenis ini tidak dapat diselitkan terus ke dalam ayat bahasa sasaran.

Sekiranya dilihat padanan yang berbentuk kata kerja dan frasa kerja yang makna tatabahasa dan fungsi transitifnya terkandung dalam unit leksikal, padanan tersebut tidak begitu efektif untuk memperlihatkan makna tatabahasa dan fungsi transitif apitan meN-…-i. Walau bagaimanapun, padanan kata kerja dapat diselitkan secara terus ke dalam ayat bahasa sasaran. Padanan jenis tersebut merupakan padanan terjemahan (Al-Kasimi, 1983). Untuk menangani kekurangan padanan berbentuk kata kerja dan frasa

kerja yang kurang berkesan dari segi memperlihatkan makna tatabahasa dan fungsi transitif apitan meN-…-i, dicadangkan agar tanda elipsis (…) ditambahkan selepas kata kerja transitif dalam padanan kata kerja dan padanan frasa kerja, khususnya bagi kata kerja transitif yang juga dapat berfungsi sebagai kata kerja tak transitif. Selain itu, bagi keadaan kata kerja transitif dalam padanan kata kerja dan padanan frasa kerja yang dapat menerima lebih daripada satu jenis objek, contoh objek diberikan dalam kurungan bagi mengelakkan kekhilafan dari segi penggunaan kata kerja berapitan meN-…-i.

## KESIMPULAN

Kajian ini membuktikan bahawa terjemahan kata kerja berapitan meN-…-i dalam bahasa Cina dalam kamus dwibahasa Melayu-Cina melibatkan pemindahan maklumat yang terdiri daripada makna leksikal kata akar dan makna tatabahasa apitan meN-…-i. Maklumat tersebut meliputi makna kata akar, fungsi transitif, makna tatabahasa apitan meN-…-i, dan jenis objek yang diterima oleh kata kerja berapitan meN-…-i. Antara maklumat tersebut, fungsi transitif dan makna tatabahasa apitan meN-…-i merupakan aspek yang perlu diberikan perhatian serius. Persisnya, cadangan terjemahan kata kerja berapitan meN-…-i yang dikemukakan merupakan kriteria penting dalam penyediaan padanan kata kerja berapitan meN-…-i. Walau bagaimanapun, kajian ini terbatas pada entri kamus yang terdiri daripada kata kerja berapitan meN-…-i sahaja. Oleh itu, disyorkan agar kajian akan datang menerokai bandingan interlingual antara kata kerja berimbuhan meN- yang lain dengan padanan bahasa Cinanya untuk meninjau masalah penggunaan kamus dwibahasa Melayu-Cina dengan lebih menyeluruh disebabkan oleh perbezaan kata kerja berimbuhan meN- dan padanannya dalam bahasa Cina.

## PENGHARGAAN

Pengkaji ingin merakamkan penghargaan kepada Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan, serta Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia atas segala sokongan dan bantuan yang diberikan dalam penulisan makalah ini.

## RUJUKAN


Ainon & Abdullah Hassan. (2000). *Teori dan teknik terjemahan*. Persatuan Penterjemah Malaysia.

Alhaadi Ismail & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2018). Analisis kesalahan dalam penulisan pelajar bahasa kedua dari aspek morfologi. *Jurnal Linguistik, 22*(1), 24–31.

Al-Kasimi, A. M. (1983). The interlingual/translational dictionary: Dictionaries for translation. Dlm. Hartmann, R. R. K. (Ed.), *Lexicography: Principles and practice,* 153–162. Academic Press.

Bakar, N. (2017). Masalah praktik "parataksis" dalam leksikografi. *International Journal of the Malay World and Civilisation, 5*(2), 43–56.

Barbara, A. K. (1984). *Workbook on lexicography*. University of Exerter.

Chen Rongrong. (2014). *Hanyu Cizui yu Malaiyu Cizui Duibi Yanjiu* [Tesis sarjana yang tidak diterbitkan]. Zhejiang University.

Chen, T. L. (2009). Hanyu he Malaiyu Yanseci Gouci Leixing de Duibi Yanjiu. *Wenjiao Ziliao Zazhishe*, *August* (I).

Corder, S. P. (1993). *Introducing applied linguistics*. Penguin Books.

Darwis Harahap Mohamad. (1994). *Binaan makna.* Dewan Bahasa dan Pustaka.

Duval, A. (2008). Equivalence in bilingual dictionaries. Dlm. Fontenelle, T. (Ed.), *Practical lexicography* (273–282). Oxford University Press.

Gilles-Maurice Sotho de Schryver. (2006). Compiling modern bilingual dictionaries for Bantu languages: Case studies for Northern Sotho and Zhulu. *Euralex 2006 Proceedings Bilingual Lexicography*, 515–525.

Goh, S. S. (2010). Peranan terjemahan dalam penguasaan kosa kata bahasa Malaysia dalam kalangan pelajar sekolah beraliran Cina. Dlm. Pandian, A. et al. (Ed.), *Pancadimensi pengajaran dan pembelajaran bahasa: Trend dan amalan bahasa,* 327–336. Penerbit USM.

Goh, S. S. (2012). Persamaan lambang dalam terjemahan peribahasa bahasa Melayu-bahasa Mandarin. Dlm. Chew Fong Peng (Ed.), *Kuntum: Himpunan karya perspektif,* 132–143. Persatuan Penterjemahan dan Penulisan Kreatif Malaysia.

Hartmann, R. R. K. (1980). *Contrastive textology: Comparative discourse analysis in applied linguistics*. Groos.

Hartmann, R. R. K. (1989). Lexicography, translation and the so-called language. Dlm. Snell-Hornby, B. M. & Pöhl, E. (Eds.), *Translation and lexicography: Papers read at the EURALEX Colloquium*, Innsbruck 2–5 July 1987. John Benjamins Publishing Company.

Hartmann, R. R. K. (2001). *Teaching and researching lexicography*. Pearson Education.

Hartmann, R. R. K. (2004). Lexicography and translation. Dlm. Chan, S. W. (Ed.), *Translation and bilingual dictionaries,* 7–21. M. Niemeyer.

Hatim, B., & Munday, J. (2004). *Translation: An advanced resource book*. Routledge.

Ibrahim Ahmad. (2004). *Perkamusan Melayu: Teori dan amali.* Penerbit Universiti Malaya.

Jacques, F., & Marco Sonzogni et Rovena Troqe. (2016). Translating: Signs, texts, practices. *Annals of Semiotics, 7*, 14–20.

Johansson, Stig. (2008). *Contrastive analysis and learner language: A corpus-based approach.* University of Oslo.

*Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2015). Dewan Bahasa dan Pustaka.

*Kamus Umum Bahasa Melayu-Cina Serba Baru*. (2015). Amiux.

Larson, L. M. (1984). *Meaning-based translation: A guide to cross-language equivalence.* University Press of America.

Laufer, B., & Melamed, L. (1994). Monolingual, bilingual and "bilingualised" dictionaries: Which are more effective, for what and for whom? Dlm. Martin et al. (Ed.), *Euralex 1994 Proceedings*, 565–576.

Li, J. F. (2009). Qian Tan Hanyu Malaiyu Liangci de Yitong. *Wenjiao Ziliao Zazhishe*, July (II), 2009.

Li, J. X. (1992). *Xinzhu guoyu wenfa* (*Tatabahasa Cina terbitan baharu*). Shangwu Yinshuguan.

Liew, S. L., Yahya Othman & Abdul Rasid Jamian. (2016). Kesalahan bahasa dalam karangan pelajar Cina sekolah menengah. *Jurnal Bahasa, 3*(2), 206–225.

Liu, Y. X. (2003). *Hanyu Hanzi dawen* (*Soal jawab tentang aksara dan bahasa Cina*). Shangwu Yinshuguan.

Lü, S. X. (2005). *Hanyu yufa fenxi wenti* (*Persoalan tentang tatabahasa Cina*). Shangwu Yinshuguan.

Lü, S. X., & Zhu, D. X. (2013). *Yufa xiuci jianghua* (*Tatabahasa dan retorik*) (Edisi keempat). Shangwu Yinshuguan.

Lü, S. X. (2007). *Xiandai Hanyu cidian* (*Kamus bahasa Cina moden*) (Edisi keempat). Shangwu Yinshuguan.

Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa & Abdul Hamid Mahmood. (2015). *Tatabahasa dewan edisi ketiga*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Rafizah Mohd Rasidi. (2000). *Penilaian penulisan buku tatabahasa bahasa Melayu: Satu analisis 'teori' atqakum* [Tesis sarjana yang tidak diterbitkan]. Universiti Malaya.

Salinah Jaafar & Rohaidah Haron. (2016). Kesilapan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar-pelajar Universiti Kebangsaan Yunnan di Akademi Pengajian Melayu. *Jurnal Melayu*, *15*(2)*,* 197–209.

Wang, W. L. (2017). *Xiandai Hanyu dongci de jingwuxing ji xiangguan wenti yanjiu* (*Kajian tentang sifat transitif kata kerja dalam bahasa Cina moden dan isu mengenainya*) [Disertasi kedoktoran yang tidak diterbitkan]. Normal University.

Wu, J. P. (2009). Shuangyu Fanyi Cidian de Bianzhuan Zongzhi, Shiyi he Lizheng Zhouyi Jianping Shishi Hanying Fanyi Dacidian. *Cishu Yanjiu, 3*, 63–70.

Zacarias, R. A. S. (2014). Contrastive linguistics as a way to improve translation equivalence in interlingual lexicography: The case of verbs. *International Journal of Cognitive and Language Sciences, 8*(10), 27–33.

Zgusta, L. (1971). *Manual of lexicography*. Mouton.

Zhu, D. X. (2005). *Yufa dawen* (*Soal jawab tatabahasa*). Shangwu Yinshuguan.

Zhu, D. X. (2007). *Yufa jiangyi* (*Tatabahasa*). Shangwu Yinshuguan.